

Masjid Bandar Seri Putra

Sebagai Pusat Kemasyarakatan

AJK 2023 - 2025

I ♥ MASJID
Bandar Seri Putra

Masjid Bandar Seri Putra
sebagai Pusat Kemasyarakatan

AJK 2023 - 2025

Diterbitkan oleh:
Masjid Bandar Seri Putra,
Lot 39343, Jalan Seri Putra 1/1,
Bandar Seri Putra, Bangi,
43000 Kajang, Selangor

Hak Cipta: Masjid Bandar Seri Putra

Email: rizaatiqrahmat@gmail.com

Masjid Bandar Seri Putra sebagai Pusat Kemasyarakatan

Teks © Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat, 2025
Grafik dan ilustrasi © AJK 2023 - 2025

e ISBN: 978-629-94250-0-7

Edisi Asal: Pertama kali diterbitkan 2025
Catan kulit: Abdullah Al-Marawi

Sinopsis Dokumen: Penilaian Masjid sebagai Pusat Kemasyarakatan

Dokumen ini menilai peranan Masjid Bandar Seri Putra (MBSP) sebagai pusat kemasyarakatan, berinspirasi gagasan Masjid Nabawi yang berfungsi bukan sahaja sebagai tempat ibadah, tetapi juga pusat pendidikan, perpaduan sosial, kebajikan, kepemimpinan, ekonomi, dan dakwah. Ia menekankan bagaimana MBSP dapat menjadi model transformasi masyarakat moden yang berasaskan iman, ilmu, akhlak, dan keterampilan.

Penilaian meliputi:


- Program sosial & kebajikan: khidmat masyarakat, bantuan kemanusiaan, kebajikan asnaf, nikah-kahwin, aqiqah, korban, serta aktiviti Ramadan.
- Peranan dalam pembangunan komuniti: kursus kekeluargaan, bimbingan kerjaya, motivasi belia, kaunseling sosial, pembangunan keusahawanan dan hubungan dengan institusi kewangan/NGO.
- Inisiatif ekonomi: latihan keusahawanan belia, pemberdayaan asnaf dan ibu tunggal melalui latihan kemahiran memasak, pembungkusan dan pemasaran, serta sokongan Qardul Hasan.
- Keterangkuman masyarakat: program untuk kanak-kanak, remaja, wanita, warga emas dan OKU, aktiviti korban, tadarus, khatam Quran, sambutan Maulidur Rasul dan Haflah al-Quran.
- Kemudahan & infrastruktur komuniti: khairat kematian, bilik jenazah, ruang suffah dan lobi, tandas serta parkir mesra OKU, khutbah bahasa isyarat.
- Media & komunikasi komuniti: hebahan melalui media sosial, penerbitan buku/risalah kemasyarakatan, e-Library, WhatsApp group dan saluran komunikasi dua hala.
- Pengurusan & strategi kemasyarakatan: perancangan tahunan, penilaian impak, serta jaringan kerjasama dengan sekolah, universiti, NGO dan agensi tempatan.

Secara keseluruhannya, dokumen ini menegaskan bahawa MBSP telah berjaya melaksanakan peranan sebagai pusat kemasyarakatan moden yang menyeluruh – mendidik, membimbing, membantu, dan memperkasa komuniti untuk kesejahteraan dunia dan akhirat.

KANDUNGAN

Tajuk	Halaman
Pendahuluan	1
Masjid sebagai Pusat Kemasyarakatan	2
1. Program Sosial & Kebajikan	2
2. Peranan Masjid dalam Pembangunan Masyarakat	6
3. Keterangkuman Masyarakat	13
4. Kemudahan & Infrastruktur Komuniti	18
5. Media & Komunikasi Komuniti	22
6. Pengurusan & Strategi Kemasyarakatan	25
Kesimpulan	30

Buku yang menjadi asas kepada Masjid sebagai Pusat Kemasyarakatan



Imbas QR di bawah untuk mendapatkan buku ini:



Atau



Buku *Gagasan Masjid Nabawi: Mengupayakan Masyarakat Unggul* mengangkat peranan Masjid Nabawi pada zaman Rasulullah ﷺ sebagai model transformasi masyarakat. Masjid bukan sekadar tempat ibadah, tetapi pusat pendidikan, perpaduan sosial, kebajikan, kepemimpinan, ekonomi, dan dakwah yang melahirkan masyarakat unggul berasaskan iman, ilmu, akhlak, dan keterampilan. Inspirasi daripada Masjid Nabawi ini memberi panduan praktikal bagaimana masjid masa kini—seperti Masjid Bandar Seri Putra—boleh berfungsi sebagai pusat kemasyarakatan moden: membina perpaduan, melahirkan pemimpin berakhlak, menggalakkan keusahawanan, serta mendidik ibu bapa dan generasi muda untuk kesejahteraan dunia dan akhirat.

Masjid sebagai Pusat Kemasyarakatan

1. Program Sosial & Kebajikan

- Khidmat masyarakat, dan bantuan kemanusiaan.
- Kebajikan untuk fakir miskin, asnaf dan golongan memerlukan.
- Urusan nikah-kahwinan, aqiqah, kenduri.
- Program Ramadhan

The image is a composite of two parts. The top part is a flyer for a flood relief mission. It features the logos of 'ihsanku' and 'MASJID BANDAR SERI PUTRA' at the top. The main title is 'MISI BANTUAN MANGSA BANJIR' in large blue letters. Below the title, it specifies the location as 'Masjid Bandar Seri Putra Bangi' and the dates as '6 Disember 2024' and '7 Disember 2024'. A list of items to be distributed is provided, including food, clothing, and hygiene products. A contact number '011-2700 2003' is also listed. The bottom part of the image is a group photo of approximately 15 volunteers, mostly men, posing in front of a white tent that has the same 'MISI BANTUAN MANGSA BANJIR' banner. Some volunteers are wearing orange life jackets, and a small boat is visible in the background of the photo.

ihsanku **MASJID BANDAR SERI PUTRA**

MISI BANTUAN MANGSA BANJIR

Lokasi Pusat Pengumpulan:
Masjid Bandar Seri Putra Bangi
Jalan Seri Putra 2/1, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

Tarikh dan Masa Pengumpulan:
6 Disember 2024 7 Disember 2024
2.30 Petang - 6:00 Petang 9:30 Pagi - 5:00 Petang

- Makanan Siap Masak (Pek/Tin)
Kari Ayam, Sardin DLL
- Air Minuman
- Kit Kebersihan
Ubat Gigi, Berus Gigi, Sabun, Syampu
- Susu Bayi
- Toto
- Kain Batik
- Kain Pelikat
- Tikar
- Tuala Wanita
- Lampin Bayi

*kami tidak menerima pakaian terpakai

Hubungi Untuk Maklumat Lanjut:
011-2700 2003

MISI BANTUAN MANGSA BANJIR
#ihsanrelief

Misi bantuan banjir



Penyampaian bantuan kepada asnaf menjelang hari raya. Di samping bantuan dari masjid BSP, bantuan juga disumbangkan oleh syarikat-syarikat berhampiran.



Masjid BSP juga mengadakan Gerobok kasih yang menempatkan sumbangan makanan dari orang ramai untuk diagihkan kepada orang yang memerlukan



Acara pendaftaran perkahwinan dan majlis akad nikah yang banyak dilakukan di Masjid BSP



Menjadi salah satu pusat OPPA (Older Persons Peer Support Agent) – Ejen Sokongan Warga Emas



Berbuka puasa

Imbas untuk melihat video suasana berbuka puasa



Tadarus malam Ramadhan



Acara Khatam Quran



Agihan bantuan kepada asnaf



Solat tarawih



Qiamul lail 10 malam terakhir



Pemakluman solat Id

Bulan Ramadhan masjid menjad tumpuan masyarakat

2. Peranan Masjid dalam Pembangunan Masyarakat

- Menganjurkan kursus kekeluargaan, meningkatkan keupayaan guru, motivasi, bimbingan kerjaya dan pembangunan belia.
- Menjadi pusat penyelesaian masalah sosial (kaunseling, nasihat, rundingan).
- Menghubungkan masyarakat dengan Pusat Zakat, bank dan NGO.
- Membangun keusahawanan



Buku-buku yang disebarikan kepada masyarakat untuk meningkatkan keupayaan ibu bapa dalam mendidik anak



Buku-buku yang disebarikan kepada guru dan pensyarah untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam mendidik generasi akan datang



Acara tahunan memberikan bimbingan kepada pelajar lepasan SPM



Latihan keterampilan mempertahankan diri khas untuk belia



KELAS TUISYEN SMART MBSP

Tarikh bermula 7 April 2025

Tingkatan 4 dan 5

TEMPAT TERHAD

SETIAP ISNIN DAN SELASA
MATH 8PM- 10PM

SETIAP KHAMIS DAN JUMAAT
ADDMATH 8PM -10PM

SEBARANG PERTANYAAN BOLEH
BERHUBUNG
USTAZ NAJMI 0196101150

UNTUK PENDAFTARAN
BOLEH SCAN PADA
QR.



Anjuran Biro Ehwat Belia & Riadah MBSP

Tuisyen khas untuk
pelajar-pelajar tingkatan
4 dan 5



Waktu operasi:
Mengikut kesesuaian
pemohon & kaunselor

PUSAT KHIDMAT NASIHAT & KAUNSELING

**KAMI MENAWARKAN KHIDMAT
NASIHAT KAUNSELING:**

- Awal perkahwinan
- Nikah, cerai & rujuk
- Rumahtangga
- Kanak-kanak & remaja
- Pengurusan kewangan
- Masalah keluarga

PERCUMA!!

TEMPAH SEKARANG!



Nombor telefon
011-55561151



Laman sesawang kami
www.masjidbsp.org.my

Anjuran : Biro Khidmat Nasihat & Kaunseling

Ikuti kami di:     @MasjidBSP

Khidmat kaunseling percuma oleh kaunselor bertauliah

Kelas TikTok Content

Ahad | 9 Feb 2025
8.30am-1.00pm
Bilik Kuliah,
Masjid Bdr. Seri Putra

- ✓ Bina Branding
- ✓ Formula Video Viral
- ✓ Lubuk Idea Content
- ✓ Teknik Rakaman
- ✓ Editing CapCut

Yuran penyertaan **RM40**
Sarapan, c-Sijil, Video Tutorial,

Pengkongsian oleh:
Enik AZIZ
Content Creator
TikTok MBSP

Mesej 013-999 7278
untuk pendaftaran

Membangun Keusahawanan

Masjid BSP mengadakan latihan TikTok Content sebagai salah satu cara membina keusahawan di kalangan orang muda.

Bagi menyokong gagasan ini, Masjid BSP memperuntukkan RM 10,000 untuk kredit mikro qardul hasan untuk yang ingin memulakan perniagaan.

Masjid BSP juga akan menghubungkan usahawan muda yang memerlukan dana yang lebih besar dengan Bank Muamalat

Pembangunan Keusahawanan Asnaf dan Ibu Tunggal



Masjid Bandar Seri Putra menganjurkan program pemberdayaan ekonomi asnaf dan ibu tunggal melalui latihan memasak kuih di dapur masjid, teknik pembungkusan yang menarik, serta strategi pemasaran yang sesuai dengan pasaran semasa. Di samping itu, peserta turut dibantu dengan kemudahan **Qardul Hasan**, iaitu pinjaman tanpa faedah bagi memulakan atau mengembangkan usaha kecil mereka. Inisiatif ini bukan sahaja memberi kemahiran praktikal, tetapi juga membuka ruang menjana pendapatan sendiri, sekali gus meningkatkan kesejahteraan keluarga dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan semata-mata.

3. Keterangan Masyarakat

- Mesra kanak-kanak, remaja, wanita, warga emas dan OKU.
- Menggalakkan penyertaan aktif ahli kariah dalam program masjid.
- Membina semangat ukhuwah, kebersamaan, dan tolong-menolong.



Program tahnik bayi



Program khas kanak-kanak



Kelas duha khas untuk Muslimat



Meraikan bakal haji



Acara korban tahunan diuruskan dan dilaksanakan oleh ahli-ahli kariah. Semangat ukhuwah dan taawun telah memudahkan semua kerja-kerja



Tadarus dan acara khatam Quran pada bulan Ramadhan disertai oleh pelajar sekolah rendah, sekolah menengah, belia, orang dewasa dan orang tua.



Imbas untuk melihat
video perarakan



Imbas untuk melihat
video acara dalam
masjid



Sambutan Maulidur Rasul menarik penyertaan dari segenap lapisan masyarakat



MASJID BANDAR SERI PUTRA

PROGRAM

Hafiah al-Quran

Follow us:



Masjid Bandar Seri Putra Bangi



Ust. Khairi Maidin
Johan Qari Negeri Melaka



Ust. Abdul Khair Jalil
Johan Qari Antrbgsa. 2019



Ust. Husaini Mahmur
Johan Qari Antrbgsa 2024

Memperkenalkan bacaan qari johan kebangsaan dan antarabangsa dalam mengalunkan bacaan al-Quran dengan pelbagai lagu dan burdah bacaan untuk menjentik hati dalam menghayati kalamullah.

JAMUAN
DISEDIAKAN



Date
4 Sept, 2025, Thursday



Time
Start From 9:00 PM

JAMUAN
DISEDIAKAN



Hafiah Al-Quran menarik kehadiran

4. Kemudahan & Infrastruktur Komuniti

- Khairat kematian.
- Ruang mesra pengguna untuk majlis sosial dan pertemuan komuniti.
- Kemudahan asas: parkir, tandas, akses OKU, tempat rehat.
- Pusat pengumpulan minyak masak terpakai



Masjid BSP menguruskan Khairat Kematian. Ahli kariah yang hendak menjadi ahli perlu membayar RM50 sekeluarga sekali seumur hidup.

Kos Operasi ditampung dari infaq kepada tabung khairat boleh dibayar kepada akaun di Bank Muamalat **1210-0001763-71-6**

Pendaftaran keahlian boleh dibuat dengan mengimbas QR-code di bawah:



Solat jenazah biasanya dilakukan selepas solat fardu untuk mendapatkan bilangan orang yang ramai



Bilik Pengurusan Jenazah merupakan kemudahan yang disediakan khusus untuk pengurusan dan persiapan jenazah mengikut prosedur Islam. Bilik ini digunakan untuk proses **mandi jenazah, kafan**, dan persediaan lain sebelum dikebumikan. Ia dilengkapi dengan kelengkapan yang mencukupi untuk memastikan proses ini dilakukan dengan penuh hormat dan kesucian.



Ruang suffah kiri dan kanan



Ruang lobi




Ruang panjang di bahagian belakang

Ruang-ruang yang biasa digunakan oleh komuniti



Tandas Mesra OKU

Masjid menyediakan tandas khas yang direka untuk kemudahan OKU, dengan ruang yang lebih luas dan kelengkapan yang memudahkan pengguna kerusi roda.



Ramps dan Laluan Khas

Terdapat kemudahan laluan khas berbentuk *ramp* yang membolehkan mereka yang menggunakan kerusi roda atau yang mengalami masalah pergerakan untuk masuk dan keluar dari masjid dengan mudah.



Tempat letak kereta OKU

Dua petak khas tempat letak kereta khas telah disediakan untuk OKU



Khutbah Bahasa Isyarat


Masjid menyediakan bahasa isyarat setiap kali khutbah Jumaat untuk kemudahan orang yang ada masalah pendengaran.



Bagi mengurangkan pencemaran dan pembaziran, Masjid BSP telah menjadi pusat pengumpulan minyak masak terpakai. Minyak masak terpakai ini telah menjadi salah satu sumber pendapatan masjid

5. Media & Komunikasi Komuniti


- Hebahan aktiviti melalui media sosial dan ruang kenyataan.
- Penerbitan buku atau risalah kemasyarakatan.
- Saluran komunikasi dua hala antara pengurusan masjid dan masyarakat.



TikTok dan FaceBook digunakan untuk menghebahkan program



Beberapa buku terbitan Masjid BSP. Buku-buku ini disebarikan melalui PIBG sekolah-sekolah berhampiran dan perpustakaan maya (e-Library- [Welcome E-Library MBSP - Dig into Reading](#)). Buku-buku lain boleh dicapai dari e-Library tersebut



Masjid BSP memanfaatkan WhatsApp Group bagi hubungan dua hala dengan ahli kariah. Tiga yang utama adalah seperti di atas.

6. Pengurusan & Strategi Kemasyarakatan

- Pelan tahunan program kemasyarakatan yang teratur.
- Penilaian impak program terhadap kesejahteraan komuniti.
- Jaringan kerjasama dengan pihak sekolah, universiti, NGO dan agensi tempatan.



Setiap awal tahun AJK dan Pegawai akan bermukim selama dua hari untuk menilai program-program tahun sebelumnya dan menyediakan perancangan strategik untuk tahun semasa



Impak program terhadap kesejahteraan masyarakat dapat dilihat jumlah infak yang diperolehi meningkat dengan ketara. Dari pada lebih kurang RM 1.7 juta pada tahun 2023 kepada RM 2.2 juta pada tahun 2024. Peningkatan infak ini telah menyebabkan lebih banyak program dan bantuan dapat dilaksanakan.



Jaringan kerja sama dengan: PIBG sekolah menengah, sekolah Kebangsaan, sekolah agama
 Universiti-universiti seperti UKM, USIM dan UIS
 NGO seperti MAPIM dan Hidayah Centre
 Syarikat-syarikat di sekitar MBSP seperti Azzuha dan Yaskin

Masjid Bandar Seri Putra, Kajang

Masjid Bandar Seri Putra

Follow us:     

Masjid Bandar Seri Putra, Bangi

KARNIVAL KESIHATAN MBSP & LIFESAVERS DAY 2025

Sabtu 27/09/2025 08:00 pagi



Mempelajari ilmu pertolongan cemas

- ✓ Teknik CPR bayi & dewasa
- ✓ Asas pertolongan cemas
- ✓ Menyelamatkan mangsa tercekik
- ✓ Teknik Penggunaan AED

Aktiviti sampingan

- ✓ Saringan kesihatan PERCUMA
- ✓ Derma Darah
- ✓ Forum Kesihatan
- ✓ Mewarna untuk kanak-kanak & permainan e-Sports untuk remaja

QR Pendaftaran:

SCAN ME



ANJURAN BERSAMA:

Jom

DERMA DARAH

DI MASJID BDR SERI PUTRA

27 SEPT 2025
8:00 PG-12:30 T/HARI

Sempena Karnival Kesihatan Masjid BSP & FIMA Lifesavers 2025



ANJURAN BERSAMA:



Mengadakan Karnival Kesihatan melalui Jaringan Hospital Serdang, Hospital Putrajaya, Fima, UPM dan Taylor University



Jaringan dengan USIM, Yayasan Hasanah dan Kementerian Kesihatan untuk menjadi Ejen Sokongan Warga Emas




Forum perdana menjadi daya tarik yang kuat bagi masyarakat. Forum ini dijayakan dengan kerjasama dari Kementerian Kesihatan, JAKIM, RTM, Bank Islam dan Masjid BSP untuk membincangkan Kesihatan Mental

Kesimpulan Dokumen: Penilaian Masjid sebagai Pusat Kemasyarakatan

Secara keseluruhannya, Masjid Bandar Seri Putra (MBSP) berjaya memainkan peranan penting sebagai pusat kemasyarakatan moden yang mencontohi fungsi Masjid Nabawi pada zaman Rasulullah ﷺ. Masjid bukan sekadar tempat ibadah, tetapi juga menjadi pusat sosial, pendidikan, kebajikan, pembangunan komuniti, ekonomi dan dakwah.

Kekuatan MBSP terletak pada kepelbagaian program yang dilaksanakan – daripada bantuan kebajikan, bimbingan keluarga dan belia, pembangunan keusahawanan, sehinggalah kepada pemberdayaan ekonomi asnaf dan ibu tunggal. Kemudahan mesra komuniti seperti khairat kematian, bilik jenazah, ruang sosial, serta akses mesra OKU memperkukuh lagi fungsi masjid dalam memenuhi keperluan masyarakat. Selain itu, penggunaan media sosial, e-Library dan saluran komunikasi dua hala memastikan maklumat dan mesej dakwah sampai secara lebih meluas dan efektif.

Kesimpulannya, MBSP telah membuktikan bahawa masjid mampu menjadi pusat kemasyarakatan unggul yang mendidik, membimbing, membantu dan memperkasa komuniti secara holistik demi kesejahteraan dunia dan akhirat.





e ISBN 978-629-94250-0-7



9 786299 425007

Masjid Bandar Seri Putra

(pendrive)